

Cagamas taja caruman 400 suri rumah B40 bagi manfaat SKSSR

Oleh Mahani Ishak - Mac 26, 2024 @ 4:43pm
mahani@bh.com.my



Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Kameel Abdul Halim.

KUALA LUMPUR: Seramai 400 suri rumah golongan B40 mendapat perlindungan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) percuma hasil tajaan Perbadanan Cagaran Malaysia, Cagamas Berhad (Cagamas).

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Kameel Abdul Halim, berkata SKSSR adalah skim di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang memberi manfaat kepada suri rumah berdaftar melalui platform Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih).

"Cagamas membuat penajaan caruman sebanyak RM48,000 yang memberi manfaat SKSSR secara percuma kepada 400 suri rumah daripada golongan B40 yang berdaftar melalui platform eKasih.

"SKSSR dikuatkuasakan mengikut Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022, bertujuan menyediakan perlindungan sosial kepada golongan suri rumah terhadap bencana domestik, keilatan dan kematian ketika menguruskan rumah tangga dan keluarganya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Kameel berkata, tajaan SKSSR itu adalah sokongan Cagamas terhadap usaha PERKESO memperkukuhkan kesejahteraan sosial golongan wanita B40 terutama dalam kalangan suri rumah yang berperanan penting menyumbang ke arah pembangunan institusi keluarga dan ekonomi negara secara langsung.

"Tajaan ini sebahagian daripada komitmen kami dalam rangkaian tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan kerangka kelestarian, dengan satu daripada tujuannya adalah memperkasa sosioekonomi kumpulan B40 terutama golongan wanita," katanya.

Terdahulu, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) iaitu institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

MoU itu bagi memperkukuhkan perlindungan sosial negara dan menggalakkan penyertaan syarikat sektor swasta serta individu menyumbang penajaan SKSSR kepada wanita B40 menerusi YKNM.


Mekanisme tajaan menerusi YKNM itu akan membolehkan penaja diberi pengecualian cukai seperti peruntukan mengikut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 atas sumbangan penajaan dibuat.

Majlis pemeteraian MoU dihadiri Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Pada majlis sama, penyerahan tajaan caruman SKSSR turut diadakan membabitkan 10 syarikat swasta termasuk Cagamas yang berjaya memanfaatkan 4,864 suri rumah daripada golongan B40 melalui tajaan caruman SKSSR berjumlah RM558,360.

BH
ONLINE

IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BH TV
Infografik

LANGGAN
Akhir Digital
Akhir BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
TKlassifieds
NSTP KLIK

RADIO
Dapatkan Audio+
Hot FM
Buletin FM
Fly FM
Eight FM
Molek FM